

Program bumi hijau dapat sambutan



SERI MANJUNG – Pelaksanaan Program Bumi Hijau anjuran Jabatan Pertanian Daerah Manjung mendapat respons positif dan disambut baik daripada penduduk setempat sejak mula dilaksanakan.

Menurut Pegawai Pertanian Daerah Manjung (PDM), Nur Hafizah Sharudin, selain usaha menjadikan Daerah Manjung sebagai daerah pelancongan, Pejabat PDM juga memperluaskan usaha menjadikan Manjung sebagai nadi penggerak dari 'pertanian tradisional' kepada 'pertanian moden', 'pertanian konvensional' kepada 'pertanian berteknologi'.

"Selain itu, kami juga berusaha menjadikan 'pertanian sara diri' kepada 'pertanian perniagaan' sejajar dengan matlamat mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

"Ia bertujuan menetapkan pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi ketiga terpenting dalam pembangunan negara selepas sektor perkhidmatan dan pembuatan," katanya.

Ketika ditanya mengenai sambutan daripada masyarakat setempat mengenai program yang dianjurkan, Nur Hafizah tidak menafikan, pihaknya sering mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat setempat untuk perkongsian ilmu.

"Kami dapat melihat kesedaran yang tinggi daripada masyarakat setempat untuk menjaga kesihatan selain dapat mengurangkan belanja dapur," katanya ketika ditemui pada Program Bumi Hijau, di Fasa 1E.

Menurutnya, jabatan pertanian sentiasa komited dalam menyebarkan maklumat terutamanya dalam memindahkan teknologi pertanian kepada petani ataupun masyarakat setempat dengan jayanya.

"Kami juga berharap dapat melahirkan usahawan tani yang berjaya dan memberi latihan kepada pengusaha-pengusaha pertanian untuk meningkatkan hasil tani mereka," katanya.

Nur Hafizah juga berpuas hati dengan semangat dan usaha proaktif setiap peserta yang menyertai kursus yang dijalankan.

Dalam perkembangan yang berkaitan, dia turut menjelaskan program berkenaan adalah langkah awal bagi mengelakkan penyakit kanser.

"Jangan hanya selepas dihidapi sesuatu penyakit, baru langkah pencegahan hendak diambil.

"Pemakanan sayur-sayuran yang menggunakan baja organik bukan sahaja baik untuk pesakit kanser malah baik untuk orang biasa," katanya.

Sementara itu, Nur Hafizah berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai yang berminat untuk mengikuti program ini.

Menurutnya, selain peranan media, orang ramai juga digalakkan membuat rujukan di laman web rasmi jabatan pertanian atau datang sendiri ke pejabat untuk mendapat maklumat lanjut.

"Saya berharap jika masyarakat setempat mempunyai persoalan ataupun permasalahan berkaitan pertanian agar merujuk kepada jabatan pertanian yang berhampiran tempat mereka," katanya.